

PERANAN PENGURUSAN MASJID BANDARAYA KOTA KINABALU DALAM PENGIMARAHAN: SATU ANALISIS

THE ROLE OF KOTA KINABALU CITY MOSQUE MANAGEMENT IN REVITALIZATION: AN ANALYSIS

Mohd Nasrun Mohd Talib (Penulis Penghubung)
Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah IPDAS, Jalan Kg. Menawo,
Beg Berkunci No. 12, 89000 Keningau, Sabah, Malaysia.

E-mel: nasrun.talib@islam.gov.my

Hafiz Hamzah
Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah,
88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.

E-mel: hafizhamzah@ums.edu.my

Abstrak

Masjid merupakan institusi yang berperanan penting sebagai pusat ibadah dan pusat pengembangan ilmu pengetahuan. Masjid juga merupakan rumah ibadah bagi umat Islam untuk mengerjakan solat berjemaah di samping sebagai agen untuk menyatukan masyarakat melalui program-program pengimarahannya. Masjid juga adalah sebuah institusi pendidikan yang menyediakan pelbagai pengajian ilmu berkaitan Islam bagi setiap lapisan umur dan kedudukan dalam kalangan masyarakat Islam. Masjid Bandaraya Kota Kinabalu merupakan masjid yang terkemuka di Malaysia dan menerima anugerah kerana peranan dan sumbangannya ke arah membangun ummah berpandukan kearifan tempatan dengan mentransformasi fungsi masjid sebagai pusat pendidikan, kemasyarakatan, ekonomi dan pelancongan Islam di samping kuliah-kuliah agama yang tersusun dan dilaksanakan oleh pihak pengurusannya. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis peranan dan sumbangan pengurusan Masjid Bandaraya Kota Kinabalu di dalam pengimarahan masjid. Kajian dijalankan menggunakan kaedah kualitatif melalui temu bual dan analisis kandungan. Kejayaan yang dikecapi oleh Masjid Bandaraya Kota Kinabalu sebagai masjid Hadari Kebangsaan 2009, Masjid Inovasi Kebangsaan 2011, Masjid Cemerlang negeri Sabah dan Kebangsaan, dan anugerah Masjid Penanda Aras Cemerlang tahun 2023 menunjukkan keberhasilan dalam pengimarahan daripada pengurusan masjid yang teratur. Justeru, masjid menjadi lambang kepada kekuatan ummah meliputi aspek ekonomi, kemasyarakatan, pendidikan dan pelancongan sekaligus memartabatkan syiar Islam melalui institusi masjid.

Kata kunci: Masjid Bandaraya Kota Kinabalu, pengimarahan, pengurusan

Abstract

Mosque is an institution that plays important roles as a center of worship and the development of knowledge. The mosque is also a house of worship for Muslims to perform congregational prayers alongside as an agent to unite the community through its outreach programs. The role of the mosque includes as an Islamic educational institution that provides various studies

related to Islam for every age and position in the Muslim community. The Kota Kinabalu City Mosque is the famous mosque in Malaysia and has been awarded several awards for its role and contribution towards developing of the community based on local wisdom by transforming the functions of the mosque as a center for Islamic education, community, economy and tourism as well as religious lectures organized by the management. This purpose of this research is to analyze the role and contribution of the management of Kota Kinabalu City Mosque in the revitalization of the mosque. The study was conducted using qualitative methods through interviews and content analysis. The successes achieved by the Kota Kinabalu City Mosque are the 2009 National Mosque, the 2011 National Innovation Mosque, the Sabah State and National Excellent Mosque, and the 2023 Excellent Benchmark Mosque award showed the success of the organized implementation of the mosque management. Thus, the mosque becomes a symbol of strength of the ummah covering economic, social, educational and tourism as well as dignifying the teachings of Islam through the institution of the mosque.

Key words: Kota Kinabalu City Mosque, revitalization, management

Pengenalan

Masjid merupakan tempat beribadat kepada umat Islam di seluruh dunia. Menelusuri sirah, Mohamad Bazli et al. (2023) dalam kajiannya menjelaskan masjid merupakan sebuah institusi yang penting dalam membina tamadun dan peradaban umat Islam. Peranan masjid tidak terhad hanya sebagai tempat pelaksanaan ibadah khusus semata-mata, akan tetapi merangkumi pelbagai aktiviti termasuk sebagai penjana ekonomi masyarakat setempat. Allah S.W.T berfirman dalam al-Quran:

Maksudnya: Sesungguhnya orang yang suka mengimarahkan masjid hanyalah orang yang beriman kepada Allah dan percaya kepada hari akhirat, mendirikan solat, mengeluarkan zakat dan orang yang tidak takut selain Allah. Mudah-mudahan itulah orang yang akan mendapat petunjuk.

(Surah at-Taubah, 9: 18)

Berdasarkan maksud firman Allah S.W.T di atas, dapat difahami masjid adalah tempat untuk mendirikan solat. Namun, masjid juga perlu diimarahkan dengan pelbagai aktiviti. Menurut Mohd Ismail (2017), masjid merupakan satu institusi terpenting yang lebih menyerlah sebagai satu lambang kesatuan dan perpaduan ummah. Bahkan institusi masjid telah dijadikan pusat pembangunan masyarakat Islam dan berfungsi sebagai sebuah institusi pendidikan terpenting dalam memenuhi keperluan umat Islam dan bukan sahaja dilihat sebagai lambang syiar Islam dalam konteks peribadatan semata.

Mohd Ismail (2017), menerangkan bahawa ayat tersebut menunjukkan ciri-ciri muslim yang terbaik bagi mengimarahkan masjid. Usaha pengimarahkan masjid bukan sahaja terhad kepada amalan ibadah khusus seperti fardu ain dan fardu kifayah, bahkan mengoptimumkan fungsinya sebagai sebuah institusi tumpuan pembangunan masyarakat bersesuaian dengan keperluan setempat. Mohd Nizho et al. (2019) menyatakan penetapan bagi golongan pelaksana dalam memakmurkan masjid perlulah mempunyai nilai keimanan sepertimana Allah S.W.T meletakkan syarat golongan yang layak mengimarahkannya iaitu mereka yang memiliki ciri-ciri orang yang beriman, orang yang tetap mendirikan solat, orang mengeluarkan zakat dan orang yang patuh kepada segala perintah dan larangan Allah S.W.T.

Institusi masjid mempunyai ikatan kuat dari aspek pendidikan kerana ia berkait dengan sirah kegemilangan tamadun Islam. Zulkiflee Haron et al. (2005) menyatakan ilmu dan perkembangan pendidikan adalah lambang kegemilangan Islam. Melalui penubuhan negara Islam pertama, masjid di Madinah merupakan institusi pendidikan utama dalam membentuk keilmuan masyarakat Islam dari aspek rohani dan jasmani sehingga menjadi mercu keagungan tamadun Islam. Bahkan melalui masjid juga, ia menjadi medan penyatuan ummah sebagai tempat persinggahan para musafir, dan tempat berteduh golongan fakir miskin untuk mendapatkan perlindungan dan bekalan makanan (Mohd Nizho et al., 2019).

Hakikatnya, masjid mempunyai objektif yang sangat penting dan menjadi sandaran utama kepada penganut agama Islam dalam usaha memartabatkan lagi syiar Islam di mata dunia. Fungsi pengimarahannya antara lain membantu kepada pembangunan sosial dan ekonomi di samping menyumbang kepada pembasmian kemiskinan dalam kalangan umat Islam seperti yang dinyatakan oleh Mohd Rofaizal et al. (2021). Perkara ini selari dengan penjelasan Mohamad Bazli et al. (2023) yang menyatakan bahawa peranan masjid dari aspek ekonomi boleh diperluas melalui pelaksanaan aktiviti dan program yang berkonsepkan perniagaan sosial dan penjanaan ekonomi masyarakat dan masjid.

Melihat kepada pelaksanaan pengimarahannya berdasarkan kajian lepas yang menjelaskan pelbagai peranan masjid sebagai pusat pembangunan ummah bersifat fleksibel bagi umat Islam. Justeru itu, kajian ini dilaksanakan untuk meninjau dan menganalisis berkaitan peranan pengurusan Masjid Bandaraya Kota Kinabalu dalam pengimarahannya dengan berpandukan perbincangan kajian lepas berkaitan peranan dan kepentingan fungsi masjid kepada pembangunan ummah.

Metodologi Kajian

Kajian ini adalah berbentuk kualitatif yang bersifat tinjauan serta menganalisis peranan jawatankuasa Masjid Bandaraya Kota Kinabalu dalam yang menyumbang kepada pembangunan jati diri dan pembentukan intelektual ummah. Kajian kualitatif diaplikasikan dengan menggunakan pendekatan analisis kandungan dan temu bual bersama responden. Data dan maklumat yang diperoleh dianalisis secara deskriptif dan disusun secara tematik..

Hasil Dapatan dan Perbincangan

Terdapat beberapa aspek penting yang menjadi keutamaan pengurusan Masjid Bandaraya dalam pengimarahannya yang boleh dijadikan sebagai panduan.

Sejarah Penubuhan Masjid

Masjid Bandaraya Kota Kinabalu merupakan sebuah masjid yang didirikan di kawasan pesisir pantai teluk Likas. Saini et al. (2012) menerangkan bahawa Masjid Bandaraya Kota Kinabalu diberi nama bersesuaian dengan peranannya sebagai sebuah struktur masjid yang besar di kawasan Kota Kinabalu. Walaupun saiz struktur masjid mengatasi saiz Masjid Negeri Sabah di Sembulan, namun masjid negeri di Sembulan merupakan masjid utama di negeri Sabah. Masjid Bandaraya ini merupakan masjid kedua utama di negeri Sabah yang mempunyai ciri landskap struktur berkonsepkan Masjid Nabawi Madinah al-Munawwarah dan terletak berhampiran tasik sehingga terlihat seakan-akan masjid terapung.

Menurut Saini et al. (2012), pembinaan masjid ini adalah merupakan cetusan idea daripada Allahyarham Tun Mohd Said Keruak yang mencadangkan masjid didirikan di kawasan Likas berhampiran dengan pesisir pantai teluk Likas. Proses pembinaan masjid ini telah bermula pada bulan Julai tahun 1989, namun proses pembinaan tertangguh pada tahun 1994 disebabkan kekangan kewangan yang berlaku. Pada tahun 1994, proses pembinaan diteruskan semula selepas mendapat perhatian dari kerajaan Negeri Sabah. Namun begitu, projek ini menghadapi pelbagai isu dalam pengurusan dan teknikal sehingga menyebabkan gangguan serta proses pembinaannya agak perlahan. Pada 1 Januari 1996, pelaksanaan projek ini dipindahkan dari pengurusan Majlis Ugama Islam Sabah ke Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah dan ianya juga menimbulkan kesan teknikal sampingan. Akhirnya, apabila semua cabaran berjaya diselesaikan, kerja-kerja pembinaan masjid dapat diteruskan dengan lebih berkesan mulai pertengahan tahun 1997 dan menyasarkan penyelesaian projek menjelang akhir tahun 1999.

Pembukaan masjid ini telah disempurnakan secara rasminya pada tanggal 18 Februari 2000 oleh Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Panglima Haji Sakaran Bin Dandai, yang menjabat sebagai Yang di-Pertua Negeri Sabah Ke-8. Sehingga kini, masjid ini terus beroperasi dengan jayanya dan beberapa pendekatan baharu dilaksanakan sesuai dengan keadaan setempat dengan mentransformasikan fungsi masjid bagi memastikan masjid terus berfungsi dan imarah. Peranan masjid antaranya ialah sebagai pusat pendidikan, pusat pembangunan ekonomi, pusat pelancongan dan sebagainya. Jawatankuasa yang dilantik memainkan peranan sebagai organisasi pelaksana dalam pengurusan masjid yang mana ianya terdiri daripada golongan profesional yang dipantau oleh Jabatan Hal Ehwal Negeri Sabah (JHEAINS) dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kota Kinabalu bagi meningkatkan kemudahan dan keperluan masjid ini dari semasa ke semasa.

Pusat Pendidikan

Peranan masjid sebagai institusi ilmu tidak pernah berubah walaupun bentuk pemerintahan berubah bermula dari zaman Rasulullah S.A.W kepada era *Khulafa' al-Rasyidin*, pemerintahan tiga kerajaan Besar Islam sehinggalah hari ini. Masjid menjadi tempat membentuk, membina dan mencorak gaya kehidupan serta pemikiran umat Islam yang amat diutamakan oleh Rasulullah S.A.W iaitu pusat perkembangan pendidikan. Gambaran masjid sebagai pusat pendidikan telah pun diterap di Masjid Bandaraya Kota Kinabalu. Perkembangan pusat pendidikan di masjid ini telah dirancang, dirangka dan dilaksanakan oleh Jawatankuasa Induk Masjid setelah perasmian pembukaan masjid pada 18 Februari 2000.

Masjid Bandaraya Kota Kinabalu telah memperlihatkan fungsinya sebagai pusat perkembangan pendidikan ummah yang membentuk pemikiran masyarakat berilmu. Kebiasaannya, masjid diisi dengan program-program keilmuan berbentuk kuliah-seperti kuliah subuh, kuliah maghrib, tazkirah jumaat, qiyamullail, forum subuh dan pengajian berkitab setiap hujung minggu. Pengisian ini sudah menjadi kebiasaan di seluruh masjid di Malaysia sebagai platform pengisian berbentuk pendidikan khas untuk jemaah yang hadir ke masjid. Namun, di Masjid Bandaraya platform tersebut telah diperkasa dengan mewujudkan institusi pendidikan yang memberi tumpuan kepada anak-anak sekolah rendah, menengah dan juga golongan istimewa.

Menurut Ab Jamal (2023), Pengurusan Masjid Bandaraya telah berjaya melakukan pendekatan transformasi masjid bersifat *dakwah bi al-hal*. Sepanjang 23 tahun penubuhannya. Masjid Bandaraya telah berjaya menubuhkan lima pusat pendidikan yang direalisasikan secara

berfasa iaitu Sekolah Rendah Agama al-Mubarakah, Akademi Tahfiz al-Quran al-Mubarak, Akademi Quranis al-Mubarak, Pusat Sains, Inovasi dan Tamadun Islam dan Institut Pengajian Tinggi al-Mubarak. Pusat pendidikan yang terdapat di masjid ini berfungsi sebagai sebahagian dari pusat pendidikan utama di negeri Sabah dengan wujudnya kelima-lima institusi tersebut sehingga membuktikan bahawa masjid tidak sunyi dari pengimaran.

Ahmad Sabari (2023), memaklumkan melalui Jawatankuasa Induk telah menetapkan bahawa kesemua pusat pendidikan ini dipantau sepenuhnya di bawah Pusat Pembangunan Pendidikan dan Asnaf Masjid yang sebelum ini dikenali sebagai Syukbah atau Biro Pendidikan. Selaku pengarah pusat yang dilantik untuk mengelola sepenuhnya, pusat pendidikan yang terdapat di Masjid Bandaraya ini terus diperkasa melalui jaringan kerjasama dengan rakan strategik dalam bidang pendidikan sama ada dalam negeri mahupun luar negeri. Sehingga kini, terdapat seramai 700 orang pelajar Madrasah darjah satu sehingga enam. Pelajar madrasah ini akan menduduki Ujian Penilaian Kelas Kafa (UPKK) darjah lima, dan menduduki peperiksaan Sijil Rendah Agama tahun enam. Institusi Pendidikan Tinggi al-Mubarak pula mempunyai pelajar seramai 17 orang yang sedang mengikuti pengajian semester tiga dan semester enam. Kesemua pelajar merupakan golongan mualaf yang mengikuti pengajian pengukuhan. Silibus pengajian sepenuhnya di bawah kendalian Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah IPDAS dan akan bergraduasi pada tahun hadapan.

Selain itu, Sekolah akademi Tahfiz al-Mubarak mempunyai 30 orang pelajar yang mengikuti pengajian peringkat menengah. Guru yang dilantik merupakan lulusan al-Quran dan mempunyai tauliah mengajar yang diiktiraf. Sekolah Akademi Quranis khusus bagi golongan istimewa dan kelainan upaya (OKU) dan jumlah pelajarnya adalah seramai 40 orang. Bagi pengajian ini, guru yang mengajar merupakan guru profesional terlatih dari JAKIM dengan pelaksanaan pembelajaran berpandukan silibus yang disediakan oleh Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Bagi pusat Sains, Inovasi dan Tamadun Islam, ianya merupakan kemudahan tambahan yang disediakan oleh pihak masjid melalui Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri Sabah sebagai pendekatan baharu supaya pelajar yang mengikuti pengajian berasa seronok dan gembira.

Menurutnya lagi, sebuah sekolah bertaraf antarabangsa telah diwujudkan dengan kerjasama *Kodarit Cooding School of Kuala Lumpur* yang berpusat di negara Finland. Kewujudan sekolah bertaraf antarabangsa ini merupakan satu cetus dan usaha baru bagi pihak pengurusan jawatankuasa masjid untuk memartabatkan syiar Islam dan pendidikan melalui masjid. Semua program di dalam silibus sekolah ini diselia penuh dari pihak *Kodarit Cooding School* sendiri dan Masjid Bandaraya sebagai pelaksana. Masjid Bandaraya telah dipilih sebagai pusat permulaan pengajian dan proses pengambilan pelajar melalui iklan telah diwar-warkan sehinggalah pengajian bermula pada bulan Oktober tahun 2023.

Hazmi Merdan (2023) menyatakan bahawa kewujudan pusat pendidikan di masjid adalah satu dasar pandang ke hadapan yang cuba dibawa oleh Pengerusi Masjid Jawatankuasa Induk Masjid yang ingin melahirkan generasi yang berilmu seperti Ibnu Khaldun, Ibnu Sina, Al-Khawarizmi sesuai dengan saranan dan panduan Rasulullah S.A.W supaya sentiasa mengimarahkan masjid dengan pelbagai program. Usaha yang dilaksanakan oleh pengurusan masjid telah memperlihatkan bahawa masjid tidak sunyi dari masyarakat awam dan bukan semata-mata tempat persinggahan menunaikan solat sahaja, tetapi anak-anak dapat dihantar ke sekolah yang terdapat di masjid.

Pusat Ekonomi

Peranan masjid pada masa kini dari aspek pengembangan ekonomi masyarakat adalah lebih luas dan pelbagai. Masjid sebagai pusat ekonomi telah pun dilaksanakan di Masjid Bandaraya Kota Kinabalu dan diperkasa oleh pengurusan masjid sebagai satu bentuk pengimarahannya. Membawa pendekatan dengan mentransformasikan fungsi masjid sebagai medan ekonomi ummah merupakan satu pendekatan berkonsepkan dakwah *bi al-hal* menyampaikan dakwah kepada masyarakat supaya datang berkunjung ke masjid. Pendekatan ini dilaksanakan dengan pemantauan pejabat mufti dan jabatan agama sebagai sokongan kepada pihak pengurusan Masjid Bandaraya dalam usaha menjana ekonomi bagi memastikan masjid terus beroperasi.

Ab Jamal (2023) menjelaskan permulaan kepada kewujudan masjid adalah adaptasi dari pasca lawatan Pengurusan Masjid ke beberapa masjid di luar negara antaranya masjid di Aceh Indonesia dan masjid di Singapura. Pasca lawatan telah mencetuskan satu semangat kepada semua ahli jawatankuasa dan pengurusan untuk melakukan satu pembinaan bangunan di masjid berkonsepkan ekonomi. Perancangan ini telah mendapat perhatian dari kerajaan negeri Sabah. Masjid Bandaraya telah berjaya membina pusat-pusat kemudahan dengan mendapat suntikan dana dari kerajaan negeri Sabah melalui Sabah *Economy Development Corporation* SEDCO. Kesemua kos pembinaan ditanggung sepenuhnya oleh SEDCOVEST dengan kerjasama Masjid Bandaraya.

Tambahnya lagi, keberhasilan Masjid Bandaraya dalam pengurusan ekonomi adalah dengan wujudnya beberapa kemudahan pusat jualan sebanyak empat puluh gerai seperti gerai-gerai makanan, kedai cuci kereta, kedai gunting rambut, kedai emas patuh syariah, kedai runcit, kedai jahitan dan kedai pemprosesan air minuman. Kemudahan jualan yang disediakan ini dikenali dengan Bazaar Al-Mubarak. Khidmat gerai ini diberikan sewaan bulanan kepada pengusaha gerai dan kesemua hasil sewaan dimasukkan secara terus ke akaun masjid. Kewujudan gerai-gerai telah menyumbang kepada pengimarahannya masjid dan menjadi tarikan pengunjung datang ke masjid kerana pelbagai kemudahan yang disediakan. Kemudahan ini merupakan daya tarikan kepada masyarakat untuk datang ke masjid serta turut sama mengimarahkannya sekaligus menunjukkan bahawa masjid menyumbang kepada pengimarahannya ekonomi untuk keperluan ummah.

Menurut Hazmi Merdan (2023), proses pembinaan ini telah bermula pada tahun 2008 dan siap pada tahun 2009. Usaha yang dilaksanakan adalah menunjukkan satu penerapan pembangunan ekonomi ummah dalam usaha membantu dan membuka ruang kepada penduduk setempat yang ingin berniaga di masjid sekaligus menyediakan peluang pekerjaan dalam skala kecil. Dengan adanya gerai yang dibina, pendekatan tambahan turut diperkasa dengan menyediakan tapak gerai kecil di hadapan masjid secara percuma khusus kepada golongan mualaf untuk memulakan perniagaan secara kecil-kecilan. Usaha yang dilaksanakan dan diperkasa ini sebagai alternatif perubahan landskap sosial masyarakat yang memerlukan sumber pendapatan untuk meneruskan hidup yang berpusat di masjid.

Pusat Pelancongan

Pelancongan merupakan satu dari sumber kekuatan kepada pengimarahannya Masjid Bandaraya Kota Kinabalu. Pengimarahannya ini merujuk kepada kadar jumlah pengunjung yang datang ke masjid untuk datang melihat suasana dan keindahan yang terdapat di masjid ini. Sehingga wujudnya Pusat Pelancongan yang ditubuhkan oleh Pengurusan Masjid melalui Jawatankuasa Induk untuk memastikan masjid dapat diurus dan ditadbir dengan baik. Pusat Pelancongan diketua oleh Latif Lait yang berperanan sebagai pegawai pemandu pelancong memberi

penerangan kepada semua pelancong berkaitan masjid sesuai dengan garis panduan agama yang ditetapkan.

Menurut Latif Lait (2023), Masjid Bandaraya Kota Kinabalu telah menjadi daya tarikan pelancong dalam mahupun luar negara sejak dari penubuhan ini. Faktor yang menyumbang kepada penarikan pelancong terhadap masjid ini adalah disebabkan kedudukan masjid yang dibina atas tanah yang dikelilingi air tasik Likas. Jika di lihat kedudukan masjid di laluan utama jalan raya dan ruang udara, ia memperlihatkan kedudukan masjid seakan-akan terapung dan mengindahkan lagi suasana. Seni bina masjid yang unik dan mempersona seumpama binaan Masjid Nabawi telah menarik minat pelancong untuk datang dan dianggarkan seramai 800 sehingga 1000 orang pada setiap hari..

Menurutnya lagi, kedatangan pelancong yang berkunjung ke Masjid Bandaraya khususnya pada hari kebesaran Islam dan cuti sekolah menunjukkan pertambahan jika dibandingkan dengan hari biasa. Terdapat juga segelintir pelancong yang melawat masjid ini telah memeluk agama Islam. Bagi mengekalkan hubungan, pihak Masjid Bandaraya telah menjadikan e-mel sebagai platform untuk mereka mempelajari Islam. Bahkan mereka turut mempromosikan Masjid Bandaraya di negara mereka sebagai satu tempat yang mesti dikunjungi. Ia menunjukkan satu anjakan paradigma yang mengangkat syiar Islam berpandukan slogan *'from Masjid to the world'* diterapkan dalam pengurusan Masjid Bandaraya Kota Kinabalu.

Perkara ini disokong melalui penjelasan Ab Jamal (2023) menunjukkan satu impak positif kerana terdapat satu produk keropok halal yang dijual di negara Jerman memperlihatkan logo Masjid Bandaraya pada plastik bungkusan keropok tersebut. Ia secara tidak langsung menjadi faktor dan penyumbang utama bahawa Masjid Bandaraya Kota Kinabalu di kenali pada peringkat global yang menjadi perhatian masyarakat dunia. Destinasi pelancongan di Kota Kinabalu menjadikan Masjid Bandaraya salah satu tempat mesti dikunjungi yang disusun atur oleh Ejen Pelancongan yang membawa pelancong. Ianya juga memberi impak kepada golongan bukan Islam seluruh dunia bahawa Islam bukanlah agama yang memusuhi anutan lain bahkan memberi gambaran sebagai agama yang bersifat rahmah melalui konteks masjid.

Pengimarahannya masjid melalui konsep masjid pelancongan telah menyumbang kepada penjana ekonomi untuk memastikan prasarana dan keperluan masjid terpelihara. Hal ini kerana setiap pelancong yang datang berkunjung ke masjid dikenakan bayaran masuk sebanyak RM5 dan dikenakan bayaran pemakaian jubah menutup aurat sebanyak RM10 setiap seorang. Pendekatan yang dilakukan secara tidak langsung telah pun menerapkan konsep dalam usaha menunjukkan bahawa Islam agama yang rahmah, bersifat santun dan menghormati orang bukan Islam. Ia sekaligus mengangkat martabat Syiar Islam dan dipandang mulia oleh orang yang bukan beragama Islam. Perkara ini boleh dikaitkan dengan firman Allah S.W.T yang disebutkan di dalam al-Quran:

Maksudnya: Allah tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan berlaku adil kepada orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana agama (kamu), dan tidak mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu; sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil.

(Surah al-Mumtahanah, 80: 8)

Pusat Khidmat Asnaf dan Kemasyarakatan

Pengimarahkan masjid pada zahirnya bukan sahaja terhad kepada golongan masyarakat yang lahir berstatus Muslim dan mempunyai pendapatan, namun golongan yang asnaf juga. Dalam lembaran sirah diceritakan bagaimana Rasulullah S.A.W membangun dan menyatukan ummah melalui masjid dengan pengisian pelbagai program khusus kepada semua golongan asnaf dan yang berkeperluan. Jika dilihat, pengimarahkan masjid yang dilakukan oleh pihak pengurusan Masjid Bandaraya adalah dengan menyantuni dan mengangkat kedudukan golongan asnaf dan golongan yang sakit.

Menurut Ahmad Sabari (2023), selaku Pengarah Pusat Pembangunan Pendidikan dan Asnaf Masjid Bandaraya, ia telah menunjukkan keberhasilan masjid sebagai tempat yang menyediakan kemudahan kepada golongan asnaf. Antara kemudahan yang diberikan kepada golongan asnaf ini adalah pendidikan khusus kepada golongan muaf. Pusat Pendidikan Tinggi Al-Mubarakah yang diwujudkan merupakan satu platform yang disediakan kepada golongan muaf mengikuti program persijilan agama Islam untuk mengukuhkan lagi kefahaman mereka tentang agama Islam. Program persijilan ini dijalankan selama enam semester dengan berpandukan silibus pengajian dari Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah IPDAS Keningau.

Menurutnya lagi, golongan asnaf khususnya golongan ibu tunggal turut diberikan kursus jangka pendek dalam bidang kursus jahitan, kursus perniagaan dan kursus penyediaan makanan. Kursus kemahiran yang disediakan merupakan usaha pihak masjid membentuk dan membina kemahiran mereka supaya dapat menjana pendapatan sendiri selepas tamat kursus. Pihak masjid menyediakan tapak percuma kepada mereka untuk berniaga dan mempromosikan hasil kemahiran mereka sekaligus menyumbang kepada kejayaan golongan asnaf dari belunggu kemiskinan. Selain itu, mereka juga diberikan sedekah dalam bentuk bakul makanan pada setiap hari jumaat khusus kepada golongan fakir miskin dan disediakan makanan untuk anak-anak mereka.

Suzain Suhaimi (2023) melalui Syukbah Hal Ehwal Wanita Masjid Bandaraya Kota Kinabalu, beberapa program dilaksanakan secara berkala dengan menyantuni golongan asnaf yang mempunyai kekangan hidup atau sedang sakit. Program yang kerap dilaksanakan adalah mengunjungi golongan ibu tunggal dengan menyediakan beberapa keperluan hidup dan bantuan bulanan dengan membayar sewa rumah mereka. Selain itu, turut menyediakan khidmat kepada golongan sakit di hospital sekitar Kota Kinabalu dengan menjaga dan membimbing ibadah mereka di akhir hayat. Hal ini memastikan bahawa kebajikan mereka terjaga di samping membuktikan bahawa peranan masjid melalui syukbah wanita mempunyai tanggungjawab kepada golongan wanita yang sakit dan perlu diperkasa sebaiknya.

Ab Jamal (2023) menyatakan bahawa usaha menyantuni dilakukan kepada golongan asnaf dan khidmat penjagaan ibadah kepada golongan wanita yang sakit ini adalah bermatlamatkan pembangunan lestari dalam membasmi kemiskinan. Golongan asnaf yang muaf mengalami tekanan daripada golongan ahli keluarga sendiri kerana memeluk agama Islam sehingga hilang kemudahan hidup dan golongan sakit yang ditahap kritikal perlu diambil perhatian bagi memastikan akidah terpelihara sekaligus membawa mesej Islam merupakan agama yang memelihara penganutnya dalam semua aspek kehidupan. Pelaksanaan pengimarahkan melalui pengurusan masjid ini selari dengan perintah Allah S.W.T yang disebutkan di dalam al-Quran. Allah S.W.T berfirman:

Maksudnya: Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.

(Surah at-Taubah, 9: 18)

Duta dan Ikon

Pada tahun 2023, pengurusan Masjid Bandaraya melalui jawatankuasa induk telah membuat satu pendekatan baharu sebagai landasan untuk mempromosikan masjid ke semua arus perdana dunia teknologi dengan mesej utama 'jom datang ke masjid'. Hazmi Merdan (2023) menyatakan bahawa pendekatan baharu ini adalah dengan melantik duta dan ikon melalui Jawatankuasa Pusat Pembangunan Belia dan Penyelidikan Masjid Bandaraya Kota Kinabalu. Duta yang dilantik seramai empat orang dan seorang ikon muda. Duta dan ikon yang dilantik berperanan untuk mempromosikan Masjid Bandaraya Kota Kinabalu di samping menggalakkan mereka memberi idea kepada perancangan masjid melalui pengimaran. Antara duta yang dilantik adalah:

- i. Ustaz Khairul Anuar Basri al-Hafiz. Usahawan Muslim dan merupakan Ketua Pegawai Eksekutif CEO syarikat pelaburan emas tersendiri yang dikenali dengan KAB Gold Sdn. Bhd. Beliau juga merupakan penulis buku *bestseller* bertajuk *Travelog Huffaz*.
- ii. Noor Syazana Abd Hamid. Usahawan muda dan merupakan Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat penerbitan HAMARE Group. Beliau juga merupakan penulis buku *LGBT Mencari Syurga 1 & 2*.
- iii. Izzul Islam Shuhaimi. *Influencer* (pempengaruh) terkenal dan pendakwah media sosial. Beliau juga merupakan penulis buku *bestseller*.
- iv. Nurfatim Farhana Rusli. Tutor profesional MC Plus dan motivator pendidikan. Beliau juga merupakan Personaliti TV IKRAM.

Ikon yang dilantik merupakan Ikon *Huffaz* bernama Dian Karisma Binti Mohd Japar berumur enam belas tahun berasal dari daerah Tawau, Sabah. Pencapaian beliau adalah merupakan Johan Hafazan Tiga Juzuk Kategori Perempuan Peringkat Negeri Sabah, Peringkat Kebangsaan dan mewakili Malaysia ke peringkat antarabangsa. Pemilihan ikon huffaz ini bagi membuktikan bahawa masjid begitu menghargai sumbangan dan pencapaian beliau secara tidak langsung memberikan motivasi dan inspirasi kepada semua masyarakat khususnya rakyat negeri Sabah.

Melalui pelantikan duta-duta dan ikon *huffaz* masjid, satu anjakan paradigma kepada pihak pengurusan untuk memperlihatkan Masjid Bandaraya Kota Kinabalu sebagai pencetus untuk mengangkat bakat-bakat anak muda yang mampu menyumbang kepada pengimaran masjid. Masjid ini juga dapat melahirkan produk-produk ummah yang berilmu untuk ditonjolkan kepada semua masyarakat. Perkara ini selaras dengan visi dan misi yang menggaris tiga sasaran yang dilaksanakan iaitu:

- i. Pelantikan Duta dan Jaringan Luar
- ii. Pembangunan Insaniah Berteraskan Kearifan Tempatan
- iii. Penyelidikan dan Penerbitan

Pendekatan baharu yang diterapkan oleh pengurusan masjid dengan melantik duta dan ikon merupakan satu usaha untuk terus giat mengajak kepada melakukan perkara kebaikan disebarkan kepada semua lapisan masyarakat. Hadis Rasulullah S.A.W yang bermaksud: “Barangsiapa yang menunjukkan sesuatu kebaikan maka dia mendapat pahala sama seperti yang melakukannya” (H.R. Muslim, No:1893)

Anugerah

Masjid Bandaraya telah menerima beberapa anugerah dan pengiktirafan antaranya ialah Masjid Hadari Kebangsaan 2009, Masjid Cemerlang Negeri Sabah dan Kebangsaan, Masjid Inovasi 2011 dan Masjid Penanda Aras Cemerlang Kebangsaan 2023. Ab Jamal (2023) menyatakan bahawa penganugerahan yang diterima adalah atas sumbangan dan keberhasilan pihak pengurusan masjid mentransformasikan masjid dalam bentuk pengimarahannya yang pelbagai berkonsepkan pendidikan, ekonomi, pelancongan, pusat pembangunan mualaf dan sebagainya. Di samping, turut terlibat membentangkan kertas kerja dalam persidangan masjid-masjid serantau peringkat nasional dan antarabangsa. Penganugerahan dan penglibatan Masjid Bandaraya Kota Kinabalu menunjukkan keberhasilan pengurusan masjid yang cekap mampu memartabatkan fungsi masjid sebagai tempat pembangunan aspek keperluan kehidupan kepada semua lapisan masyarakat.

Kesimpulan

Tuntasnya, usaha yang dilakukan oleh pengurusan Masjid Bandaraya Kota Kinabalu telah menunjukkan hasil dan fungsi masjid yang mampu mengangkat martabat institusi masjid dengan bermatlamatkan membina pembangunan ummah. Penyediaan kemudahan pusat pendidikan, kemudahan pusat berniaga, khidmat kepada asnaf dan masyarakat, dan tempat tarikan pelancongan telah membawa kepada konsep *dakwah bi al-hal*. Ia membuktikan bahawa masjid menjadi pusat dalam segala arus pembangunan ummah sehingga menampakkan bahawa martabat Islam begitu tinggi dan dipandang mulia. Kejayaan membangun dan membentuk sebuah masyarakat yang bertamadun dari semua aspek adalah bermula dari masjid.

Rujukan

Al-Quran.

Al-Naysaburi, Abi al-Hasan Muslim al-Hajjaj al-Kusyairi. (2006). *Shahih Muslim: Al-Musnad al-Shahih al-Mukhtasar min Sunani Binaqli al-Adli ‘an al-Adli Ila Rasulullah*. Dar al-Tayyibah li Nashri’ wa al-Tauzi’.

Ab Jamal bin Tun Sakaran. (2023). Masjid Bandaraya Likas Kota Kinabalu, Sabah. Temu bual, 19 Ogos.

Ahmad Sabari. (2023). Masjid Bandaraya Likas Kota Kinabalu, Sabah. Temu bual, 8 Julai.

Hazmi Merdan. (2023). Masjid Bandaraya Likas Kota Kinabalu, Sabah. Temu bual, 30 Ogos.

Latif Lait. (2023). Masjid Bandaraya Likas Kota Kinabalu, Sabah. Temu bual, 20 Ogos.

Mohamad Bazli Md Radzi, Salmy Edawaty Yaacob & Azlin Alisa Ahmad. (2023). Masjid sebagai alternatif pusat penjanaan ekonomi masyarakat setempat: Satu sorotan literatur. *Journal Of Contemporary Islamic Law*, 8(1).

- Mohd Ismail Mustari, Bushrah Basiron, Kamarul Azmi Jasmi, Ajmain @ Jimain Safar, & Azhar Muhammad. (2017). Membangun potensi masjid sebagai sebuah institusi pendidikan islam & masyarakat. *Tinta Artikulasi Membina Ummah* 3(2).
- Mohd Nizho Abdul Rahman, Solahuddin Abdul Hamid, Solahuddin Ismail & Mohd SobhiIshak. (2019). Kefahaman tentang konsep pengimarah masjid sebagai institusi Islam: Pengalaman terhadap masjid yang terpilih di Semenanjung Malaysia. *E-Proceedings of 6th International Conference on Mosque, Zakat and Waqf Management (IMAF-2019)*.
- Mohd Rofaizal Ibrahim, Mohamad Sabri Harun & Abdul Rahman Mahmood. (2021). Pengimarah masjid berkonsepkan pembangunan sosial. *Journal Of Muwafaqat*, 4(2).
- Saini Ag.Damit, Dg.Hafizah Ag.Basir & Bungsu @ Aziz Jaafar. (2012). Program Dakwah Masjid Bandaraya Kota Kinabalu, Sabah. Norarfan Zainal, Abdul Razak Abdul Kadir, Kharhan Jait & Mohd Syahiran Abdul Latif (peny.). *Membongkar Rahsia Pendidikan Islam* (hlm. 567-578). Pusat Penerbitan, Kolej Universiti Peruruan Ugama Seri Begawan.
- Suzain Suhaimi (Datuk Dr). (2023). Masjid Bandaraya Likas, Kota Kinabalu, Sabah. Temu bual. 20 Ogos.
- Zulkiflee Haron, Mohd Nasir Ripin & Farahwahida Mohd Yusof. (2005). Masjid Sebagai Institusi Pendidikan: Sorotan Abad Ke-3 H – 5 H. Bab dalam buku. *Fungsi Dan Peranan Masjid Dalam Masyarakat Hadhari* (hlm. 1-20) Universiti Teknologi Malaysia Press.